

Jenis Akhbar : Berita Harian Ahad

Tarikh : 03/09/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 18

Tajuk : KPF antara penyumbang utama pendapatan sektor koperasi

## KPF antara penyumbang utama pendapatan sektor koperasi

**Tanjung Malim:** Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan sektor koperasi yang bernilai RM46.5 bilion tahun lalu.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah, berkata daripada jumlah itu, KPF menunjukkan prestasi cemerlang dengan menjana pendapatan lebih RM1 bilion.

Beliau berkata, nilai pendapatan itu membuktikan peranan besar dimainkan ahli koperasi rancangan FELDA yang seterusnya melonjakkan sektor koperasi sebagai penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta.

“Sebahagian besar 100 koperasi terbaik di Malaysia ketika ini terdiri daripada koperasi FELDA, koperasi FELCRA, koperasi RISDA. Kita harap supaya agensi boleh memberikan peruntukan lebih besar kepada koperasi di bawah agensi mereka untuk anggota koperasi mengembangkan perniagaan.

“Jadinya, koperasi ini yang diuruskan generasi kedua dan ketiga FELDA, FELCRA serta RISDA juga perlu memainkan peranan dalam keseluruhan aktiviti pertanian hulu, pemprosesan dan hiliran yang memberikan pendapatan lebih banyak untuk memperkasakan lagi sumbangan gerakan koperasi supaya lebih signifikan (berkesan),” katanya di sini semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA